

## **Selaras e-hailing jadi perniagaan diiktiraf**

---

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pengangkutan menegaskan keputusan melaksanakan peraturan ke atas pemandu dan kenderaan *e-hailing* bukan untuk menyusahkan mereka, tetapi menyelaraskan industri itu supaya menjadi perniagaan yang diiktiraf. Menterinya, Anthony Loke, menegaskan mereka tetap perlu melalui proses itu sekiranya mahu terus menjadi pemandu *e-hailing*. Malah pemandu orang kurang upaya (OKU) yang menempuh pelbagai kesukaran pun sanggup memenuhi pelbagai syarat yang ditetapkan.

“Jadi, apa yang menghalang pemandu biasa daripada menjalani proses sama? Kalau mereka katakan sebab ada proses ini mereka tidak mahu jadi pemandu *e-hailing*, maka kerajaan tidak boleh paksa mereka. “Kita perlu faham dalam sesebuah negara itu ada kerangka undang-undang dan apa yang kita buat hari ini adalah untuk menyelaras dan membentarkannya di sisi-sisi undang-undang. “Kita (kerajaan) sudah buat keputusan untuk benarkan *e-hailing* terus beroperasi tetapi dalam kerangka undang-undang ditetapkan,” katanya selepas menghadiri Program Khas Lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (PSV) untuk pemandu *e-hailing* OKU di sini, semalam.

Sejumlah 256 calon pemandu *e-hailing* OKU dikenal pasti layak menduduki ujian PSV dan mereka akan menerima keputusan dalam tempoh lima hari akan datang. Loke mengulas laporan media bahawa akan berlaku pengurangan sekurang-kurangnya 50 peratus pemandu *e-hailing* di Malaysia bermula bulan ini susulan pengumuman kerajaan bahawa mereka perlu memiliki lesen PSV sebelum 12 Julai ini. Ia berikutan sesetengah pemandu menganggap undang-undang yang dikenakan terhadap mereka membebankan dan ada antara mereka yang berkhidmat separuh masa saja.

Mengenai dakwaan ramai pemandu *e-hailing* gagal dalam ujian PSV, Loke berkata berdasarkan laporan yang diterima, majoriti pemandu perkhidmatan itu lulus ujian berkenaan. Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu. Sebelum ini, Persatuan Pemandu Grab Malaysia (GDMA) dikatakan bingung apabila dimaklumkan kadar kegagalan lulus peperiksaan PSV *e-hailing* sangat tinggi sehingga memaksa pemandu mengeluarkan sejumlah wang untuk menduduki semula ujian berkenaan.